



## UPM Terima Geran RM 428 Ribu Daripada INSKEN



*Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah menerima replika cek geran daripada Alwi Ibrahim.*

PUTRAJAYA, 29 Julai –Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Pusat Pengembangan Keusahawanan dan Permaian Professional (APEEC) dilantik sebagai penyelaras bagi penyelidikan penyertaan siswazah lepasan institut pengajian tinggi (IPT) dalam kerjaya keusahawanan.

UPM menerima geran untuk kajian tersebut daripada Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) serta Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MeCD) di Dewan Pameran, MeCD pada 28 Julai yang lalu.

Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Alwi Ibrahim menyerahkan cek geran berjumlah RM 428,500 kepada Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah untuk tujuan kajian keusahawanan.

Awi berkata UPM APEC akan mengadakan "Smart-Partnerships" dengan INSKEN untuk mengumpulkan pakar penyelidik bagi menjalankan kajian mengenai penyertaan siswazah lepasan IPT dalam kerjaya keusahawanan dan menjadikannya keusahawanan sebagai pilihan kerjaya utama," katanya.

"Seramai 16 pakar daripada Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta 2 konsultan untuk menjalankan 24 kajian untuk menyelesaikan masalah berkaitan penyertaan siswazah lepasan IPT dalam kerjaya keusahawanan dan menjadikannya keusahawanan sebagai pilihan kerjaya utama," katanya.

Awi juga berharap kajian dalam bentuk action oriented itu dapat digunakan oleh kementerian serta agensi pembangunan keusahawanan dalam negara.

Sementara itu, Dr. Nik Mustapha berkata setiap penyelidik yang menjalankan kajian keusahawanan mengikut kepakaran masing-masing akan diberi peruntukan sebanyak RM 17,500.

"APEEC akan terus mengerakkan jalinan kerjasama dengan agensi pembangunan keusahawanan seperti MeCD supaya ia akan menjadi mekanisme bagi memperkasa sistem penyampaian kepada pembangunan rakyat dan negara," katanya.

Dr. Nik Mustapha berkata UPM juga telah menuhubkan Bahagian Jaringan Industri Dan Masyarakat untuk menyalurkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran serta mendekatkan masyarakat kampus dengan usahawan luar dalam usaha melahirkan usahawan di kalangan siswazah.



*Majlis sesi bergambar bersama penyelidik daripada IPTA yang dilantik.*

**Disediakan oleh:** Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat.